

10/09/1998

Niat jahat media asing gagal

KUALA LUMPUR, Rabu - Agenda politik media asing untuk menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan meniup semangat bencikan Perdana Menteri, gagal berikutan rakyat tidak mudah dipengaruhi, kata Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Beliau berkata, usaha media asing itu jelas daripada liputan tidak tepat, terutama membabitkan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno, minggu lalu.

Mohamed berkata, tidak ada sebab untuk media asing campur tangan dalam hal ehwal politik Malaysia kerana negara ini mengamalkan demokrasi dan pemimpinnya dipilih.

(END)